

RITUAL NYANGAHATN MASYARAKAT SALAKO DI SARAWAK SALAKO SOCIETY NYANGAHATN RITUAL IN SARAWAK

Hazizy Hanis & Mohamad Maulana Magiman

Jabatan Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Pengurusan,
UPM Kampus Bintulu Sarawak.

hazizyhanis@yahoo.com.sg

ABSTRAK

Nyangahatn merupakan salah satu ritual yang dominan dalam masyarakat Salako. Ritual *Nyangahatn* telah wujud dalam masyarakat Salako sebelum migrasi besar-besaran ke Sarawak sekitar 1800-an. Agama Salako (*adat*) yang tidak ditulis (*anan' baketab*) menyebabkan ritual *Nyangahatn* ini kurang mendapat perhatian umum dan makalah berkaitannya amat sukar diperolehi kerana kebanyakan kajian di Sarawak sebelum ini lebih tertumpu kepada etnik majoriti seperti Iban, Melayu dan Melanau. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan ritual *Nyangahatn* yang menjadi warisan budaya masyarakat Salako. Usaha mengetengahkan makalah ini adalah sebagai salah satu bentuk warisan nenek moyang yang masih lagi diteruskan sehingga kini dan perlu diketahui umum. Fokus penyelidikan adalah meneliti pengendalian dan fungsi ritual *Nyangahatn* dalam masyarakat Salako di daerah Sematan, Sarawak. Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian di lapangan. Temu bual mendalam bersama *Binua* dan *Tuha Adat*, iaitu orang yang terlibat dalam upacara masyarakat Salako dilakukan pada tahun 2018. Manakala lokasi kajian di Kampung Biawak, daerah Sematan, Sarawak. Hasil kajian mendapati ritual *Nyangahatn* masih dilakukan oleh masyarakat Salako dengan prosedur dan pantang larang yang tetap dijaga dan diamalkan secara turun-temurun untuk mencapai tujuan ritual tersebut walaupun berdepan dengan cabaran arus kemodenan dan pegangan agama.

Kata kunci: *Budaya, Ritual, Nyangahatn, Salako*

ABSTRACT

Nyangahatn is one of the Salako community's dominant rituals. *Nyangahatn* ritual has existed in this community before the big migration into Sarawak in the 1800s. Salako religion (custom) which is unwritten (*anan' baketab*) causes the *Nyangahatn* ritual to be overlooked by the public, and related articles regarding this are difficult to obtain due to the reason that most studies in Sarawak focused on other majority ethnics like the Iban, Malays and Melanau. Hence, this article will discuss *Nyangahatn* ritual which is the cultural heritage of the Salako community. The effort to bring forth this article is one form of ancestral heritage which is still being practised until today, and should be made known to the public. The focus of the research is studying the operation and function of *Nyangahatn* ritual in the Salako community in the sub-district of Sematan, Sarawak. Collection of data is done by fieldwork observation. Detailed interviews of the *Binua* and *Tuha Adat* were done in 2018. The location of

the research is at Biawak Village, in the sub-district of Sematan, Sarawak. Research findings show that the Nyangahatn ritual is still actively practiced, and all procedures and taboos are still adhered to as practised for generations. All these are aimed to achieve ritual objectives despite facing the ongoing challenges of modernity and religious beliefs.

Key terms: Cultural, Ritual, Nyangahatn, Salako

PENGENALAN

Masyarakat Salako merupakan kaum minoriti di Sarawak. Mereka berasal dari Gunung Gajing yang terletak di sekitar Sungai Salako atau Sungai Selakau berdekatan dengan daerah Singkawang, Kalimantan Barat, Indonesia (Adelaar, 2005). Majoriti mereka telah bermigrasi ke Sarawak sekitar 1800-an atas faktor politik dan geografi. Kedudukan Kalimantan yang berdekatan dengan negeri Sarawak memudahkan masyarakat Salako berpindah dan seterusnya membina penempatan di Sarawak. Kumpulan terawal yang datang ke Sarawak membina penempatan pertama mereka di sekitar kawasan Sungai Pasir dan Sungai Kayan (Chang, 2002). Kini beberapa perkampungan majoriti masyarakat Salako telah wujud di daerah Sematan seperti kampung Biawak, kampung Pueh, kampung Sebako dan kampung Selabat. Masyarakat Salako mempunyai keunikan tersendiri dari aspek budaya, pemakaian tradisi, percakapan dan organisasi masyarakat sehingga membentuk satu identiti kepada masyarakat itu sendiri (Schnieder, 1975). Ritual *Nyangahatn* merupakan salah satu daripada keunikan masyarakat Salako yang telah diwarisi zaman berzaman. Dalam penyelidikan ini, fokus adalah kepada pengurusan ritual *Nyangahatn* di daerah Sematan, Sarawak. Tinjauan yang dilakukan oleh penyelidik mendapati ritual *Nyangahatn* masih diamalkan oleh masyarakat Salako di daerah Sematan sehingga kini. Ritual *Nyangahatn* dilaksanakan dengan menyediakan persembahan makanan dan barang untuk tuhan atau *Jubata*. Manakala *Tuha Adat* merupakan individu yang penting dalam ritual *Nyangahatn* ini di samping bait-bait mantera yang dilafazkan untuk meminta perlindungan daripada suatu ancaman, memohon pertolongan untuk mencapai sesuatu hajat, mohon keberkatan dan tanda syukur. Kebiasaan ritual *Nyangahatn* dilakukan bersempena dengan sesuatu aktiviti penting diadakan sama ada berkait rapat dengan kitaran hidup masyarakat Salako, peringkat-peringkat penanaman padi atau selepas berlakunya bencana yang tidak diingini menimpa masyarakat. Dan menurut Awang Hasmadi (1979), ritual *Nyangahatn* juga boleh dianggap sebagai upacara membayar niat.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penyelidikan secara kualitatif adalah kaedah sistematik bagi menerangkan, memerhati, memahami, dan menyelidik corak hidup, norma, sosial dan amalan individu dan kumpulan, nilai dan kepercayaan yang wujud. Kaedah pemerhatian ikut serta dan temubual mendalam bersama *Binua* dan *Tuha Adat* bertujuan untuk mendapatkan data penyelidikan yang lebih sahih.

DAPATAN KAJIAN

Ritual *Nyangahatn* dalam Masyarakat Salako

Masyarakat Salako di daerah Sematan, Sarawak sehingga kini masih lagi mengamalkan ritual warisan zaman berzaman mereka iaitu ritual *Nyangahatn*. *Nyangahatn* merupakan upacara persesembahan atau berdoa kepada Tuhan atau *Jubata* dengan tujuan untuk memohon perlindungan daripada sesuatu ancaman dan bencana dalam kehidupan. *Nyangahatn* turut diadakan bertujuan untuk memohon keberkatan, keharmonian dan kedamaian hidup di samping memohon kesuburan dan hasil padi yang baik. Masyarakat Salako sering mengadakan ritual *Nyangahatn* dalam dua bentuk perayaan penting mereka yang disebut sebagai *Gawe Ka Padi* (himpunan perayaan untuk kesuburan padi) dan *Gawe Ka Manusia* (himpunan perayaan untuk kesejahteraan manusia).

Dalam *Gawe Ka Padi* terdapat beberapa upacara yang dijalankan sepanjang proses penanaman padi bermula daripada upacara *Munoh Manuk Ka Pagar* (pembukaan tanah sawah), upacara *Nyiang Padi Bunting* (biji padi baru keluar), *Ngarantika* (permulaan padi masak), upacara *Nuruni'* (proses menuai baru bermula), upacara *Ngabayatn* (tamat proses menuai). Manakala *Gawe Ka Manusia* pula adalah perayaan-perayaan yang melibatkan proses kitaran kehidupan manusia seperti upacara *baranak* (kelahiran), upacara *baturih* (berkhutan), upacara *batenek* (bertindik telinga), upacara *kawen* (perkahwinan) dan kematian (Awang Hasmadi, 1981). Dalam kesemua upacara yang disebut tadi, wajib dijalankan ritual *Nyangahatn* sebagai cara memohon kesuburan tanaman padi dan kesejahteraan hidup serta memohon perlindungan daripada bencana.

Selain *Gawe Ka Padi* dan *Gawe Ka Manusia* yang juga merupakan himpunan perayaan bagi kitaran hidup masyarakat Salako, *Nyangahatn* turut dijalankan dalam beberapa upacara khusus seperti *Ngoncong*, satu upacara berbentuk tarian bertujuan untuk menunaikan *nazar* (janji) seseorang atau satu kaedah perubatan bagi penyakit yang sukar dirawat dengan kaedah perubatan moden. Ritual *Nyangahatn* turut dijalankan dalam upacara *Nyemah Ai' Tanah* (upacara pembukaan tanah baharu untuk tujuan penempatan, pertanian dan pembangunan), upacara *Pamindahan Padukng* (upacara pemindahan kubur lama ke tapak baharu atas faktor pembangunan) dan pelbagai lagi upacara khusus yang bertujuan untuk memohon pertolongan kuasa ghaib iaitu *Jubata* bagi mengatasi krisis kehidupan masyarakat Salako. Pelaksanaan ritual *Nyangahatn* yang dilakukan oleh masyarakat Salako adalah mengikut keperluan dalam sesuatu zaman. Pada zaman dahulu, ritual *Nyangahatn* sering dijalankan bagi aktiviti pembukaan tanah baharu untuk tujuan pertanian dan penempatan, dan juga aktiviti *ngayau* (berburu) bagi mohon keselamatan dan kesejahteraan. Namun begitu, bersesuaian dengan arus kemodenan kini, masyarakat Salako sekarang memerlukan pertolongan daripada kuasa-kuasa ghaib untuk mendapatkan perlindungan, kebahagiaan hidup dan kekayaan. Justeru itu, ritual *Nyangahatn* masih dilakukan sehingga kini sekiranya terdapat keperluan-keperluan tertentu yang penting untuk dilakukan dan kebiasaanya persediaan tempat dan keperluan ritual *Nyangahatn* dijalankan secara bergotong-royong.

Ritual *Nyangahatn* juga dikenali sebagai *Indu' Gawe* di mana ia merupakan peristiwa penting dalam memastikan objektif sesuatu majlis tercapai atau tidak. Pendek kata, jika ritual *Nyangahatn* tidak dijalankan dalam sesuatu majlis berunsur ketuhanan masyarakat Salako, maka majlis tersebut tidak sah atau tidak lengkap.

Melalui pemerhatian penyelidik, terdapat tiga elemen yang perlu wujud dalam menjalankan ritual *Nyangahatn* iaitu barang persembahan yang dikenali sebagai *Buis*, pengendali ritual yang dikenali sebagai *Tuha Adat* dan bait-bait ayat mantera.



Gambar 1: Ritual Nyangahatn

Fungsi Buis dalam Ritual Nyangahatn

Untuk menjalankan ritual *Nyangahatn*, ia memerlukan persediaan rapi daripada penganjur majlis atau tuan rumah. Antaranya ialah menyediakan *Buis* untuk ritual tersebut. *Buis* merupakan barang sembahyan kepada *Jubata* berupa makanan dan perhiasan. Penyediaan makanan ritual ini berbeza-beza mengikut majlis. Akan tetapi, makanan ritual yang wajib ada dalam *Buis* ialah *Manuk* (ayam) atau babi (khinzir), *Bontonk*, *Tumpi'* dan *Garetant* yang disediakan di atas satu dulang khas yang dikenali sebagai *Apar*.

Dalam upacara *Nyangahatn*, ayam dianggap sebagai pendinding antara alam manusia dan alam ghaib. Oleh yang demikian, untuk menjemput *Jubata* hadir ke majlis masyarakat Salako, maka perlu disediakan ayam sebagai bahan persembahan. Penganjur majlis perlu menyediakan sama ada seekor, tiga atau tujuh ekor ayam. Hakikatnya, bilangan penyediaan ayam adalah berdasarkan kemampuan penganjur majlis. Tetapi bagi penganjur majlis yang mempunyai hajat yang lebih khusus seperti mohon kesembuhan daripada penyakit, menunaikan nazar atau janji dan sebagainya, maka dianjur untuk menyediakan tujuh ekor ayam atau juga boleh digantikan dengan babi. Menurut temubual bersama *Tuha Adat*, bilangan ayam ini menunjukkan status penganjuran majlis tersebut. Menurut beliau lagi, semakin banyak ayam disediakan, maka ia membolehkan *Tuha Adat* menjemput lebih banyak *Jubata* untuk hadir ke majlis tersebut dan tempoh bacaan mantera perlu dipanjangkan juga. Cara penyediaan ayam untuk persembahan kepada *Jubata* turut berbeza dengan cara penyediaan makanan biasa. Bagi penganjur yang tidak berkemampuan maka perlu menyediakan seekor ayam jantan. Manakala bagi penganjur yang berkemampuan maka digalakkan untuk menyediakan tiga atau tujuh ekor ayam dan mesti terdiri daripada ayam jantan dan betina. Muah pun begitu, bilangan ayam jantan dan betina

tidak ditentukan. Ketika proses *Munoh Manuk* (sembelih ayam) dijalankan, ayam disembelih dengan cara yang berlainan dari cara penyembelihan biasa iaitu dengan menebus sedikit pada bahagian bawah pipi ayam bagi memutuskan saluran makanan tanpa memutuskan saluran darah dan kepala dengan menggunakan pisau khas yang dikenali sebagai *Ensaut*. Setelah dibersihkan, keseluruhan bahagian dalaman badan ayam tersebut akan dibuang kecuali bahagian hati. Hati ayam dibiarkan untuk menandakan ayam tersebut masih hidup. Selain itu, daging babi turut digunakan sebagai makanan sembahana dan bahagian yang lazim digunakan ialah pada bahagian paha kerana dikatakan bahagian tersebut adalah kegemaran *Jubata*. Berdasarkan cara penyediaan ayam dan babi tersebut menunjukkan bahawa masyarakat Salako amat menjaga tatatertib mereka dalam menyediakan makanan untuk tuhan mereka iaitu *Jubata*.

Selain daripada ayam, antara barang sembahana yang wajib disajikan di dalam *Buis* ialah *Bontonk*. *Bontonk* merupakan makanan yang berasaskan beras seakan-akan kelupis. Untuk *Gawe Ka Padi*, beras yang digunakan untuk membuat *Bontonk* mestilah daripada hasil padi yang ditanam oleh penganjur majlis atau dikenali sebagai *Padi Baru*. Hal ini kerana, sebelum beras dijamu kepada manusia, *Jubata* diberi keistimewaan untuk makan terlebih dahulu hasil tanaman manusia tersebut agar mendapat keberkatan untuk hasil tuaian yang seterusnya. Manakala, untuk *Gawe Ka Manusia*, boleh menggunakan mana-mana jenis beras. Dalam membuat *Bontonk*, beras perlu dibalut dengan daun yang dikenali sebagai *Daun Minyak*. Setelah dibalut, ia akan disumbatkan ke dalam buluh (seperti buluh lemang) dan dimasukkan air ke dalam buluh tersebut kemudian dibakar di atas api. Terdapat tiga jenis *Bontonk* yang akan diletakkan di dalam *Buis* iaitu *Bontonk Sehelai Daun*, *Bontonk Dua Helai Daun* dan *Bontonk Tiga Helai Daun*. Apa yang menarik tentang *Bontonk* ini, cara lipatan pada *Bontonk* tersebut adalah berbeza mengikut keturunan Salako iaitu keturunan *Singkukuk* dan keturunan *Gajengk* (Awang Hasmadi, 1979). Jelasnya di sini, dengan melihat pada cara lipatan *Bontonk* yang ada di atas *Buis*, kita akan mengetahui keturunan penganjur majlis tersebut secara tidak langsung.

Barangan asas ketiga yang perlu disediakan di dalam *Buis* ialah *Tumpi'*. *Tumpi'* ialah sejenis makanan seakan-akan kuih penyaram atau penjaram. Ia diperbuat daripada campuran tepung beras, tepung gandum dan gula. Campuran bahan-bahan tersebut akan digoreng menggunakan minyak masak yang baharu. Dalam proses menggoreng *Tumpi'*, tidak dibenar menggunakan kuali dan peralatan menggoreng makanan biasa. Ia mestilah diasangkan kerana *Tumpi'* adalah makanan suci untuk *Jubata*. *Tumpi'* digoreng dengan api yang sederhana agar bahagian luarnya tidak rosak. Menurut kepercayaan masyarakat Salako, *Tumpi'* merupakan pembuka bicara kepada *Jubata-Jubata*. Sebelum ritual *Nyangahatn* dijalankan, *Tumpi'* perlu dicucuk pada sebatang buluh atau kayu dan diletakkan di jendela rumah dan ia dikenali sebagai *Noget*. *Noget* boleh diibarat sebagai kad jemputan kepada semua *Jubata* bagi menghadiri majlis masyarakat Salako. Selain itu, sekiranya masyarakat Salako hendak berbicara tentang hal-hal ketuhanan, sekurang-kurangnya perlu disediakan *Tumpi'* sebagai pembuka bicara. Menurut *Tuha Adat*, tanpa hidangan *Tumpi'* di atas meja, maka masyarakat Salako dilarang berbicara tentang perkara yang melibatkan alam ghaib atau kuasa luar biasa seperti *Jubata*. Pada kebiasaannya, apabila masyarakat Salako berkumpul untuk mendengar cerita-cerita dewa dan *Jubata*, maka mereka terlebih dahulu menghidangkan jamuan yang dikenali sebagai *Anak Buis* terdiri daripada *Bontonk*, *Tumpi'* dan *Garetant*.

Barang asas keempat yang perlu disediakan di dalam *Buis* ialah *Garetant*. *Garetant* ialah sejenis makanan yang menyerupai lemang. Bahan asas untuk memasak *Garetant* ialah beras, air dan garam. Ia dimasak di dalam sebatang buluh kecil yang dinamakan sebagai *Buloh Soenk* dan dibakar menggunakan api kayu (seperti proses pembuatan buluh lemang). Semasa penyediaan *Buis*, buluh yang digunakan untuk memasak beras tadi diraut untuk menanggalkan kulit buluh tersebut dan dipotong pendek. Buluh yang diraut tadi, sebelum dipotong pendek ia dikenali sebagai *Poe'* dan apabila ia telah dipotong pendek ia dipanggil *Garetant*. Fungsi *Garetant* di dalam *Buis* adalah seperti *Bontonk* iaitu sebagai bahan sembahyan dan makanan untuk *Jubata*. Jika majlis yang dianjurkan tersebut ada kaitan dengan penanaman padi, maka beras yang digunakan untuk membuat *Garetant* ialah dari hasil tuaian padi penganjur majlis tersebut. Hal ini adalah untuk memohon keberkatan, kesejahteraan serta memohon hasil padi yang baik pada musim tuaian akan datang.

Selain daripada empat bahan asas yang telah dibincang sebelum ini iaitu manuk, *Bontonk*, *Tumpi'* dan *Garetant*, terdapat juga bahan-bahan lain yang perlu diletakkan di dalam *Buis* mengikut keperluan dan tujuan majlis yang dianjurkan seperti kain batik atau kain pelikat, *Baras Bantant* (beras di dalam cawan kecil), telur rebus, *Poe'*, *Jungkahant* (buluh yang berisi air), minyak kelapa, sirih, pinang, kapur dan tembakau. Selain itu barang perhiasan seperti perak dan emas lama yang dikenali sebagai *Harata Muda* turut disediakan sebagai bahan dalam *Buis*.

Secara keseluruhannya, *Buis* disediakan dalam ritual *Nyangahatn* adalah untuk dijadikan bahan sembahyan kepada tuhan masyarakat Salako iaitu *Jubata*. Ia merupakan sebahagian daripada subjek penting yang mesti ada dalam melaksanakan ritual *Nyangahatn*. Menurut *Tuha Adat*, setiap barang yang diletakkan di dalam set *Buis* ini tidak diletakkan saja-saja sahaja malah ia mempunyai makna dan cerita mitosnya yang tersendiri.



Gambar 2: Buis

Peranan Tuha Adat dalam Pelaksanaan Ritual Nyangahatn

Peranan pakar ritual seperti *Tuha Adat* mempunyai kaitan dengan pelaksanaan ritual *Nyangahatn* dalam budaya dan masyarakat Salako. Hal ini berlaku kerana *Tuha Adat* merupakan sebahagian daripada subjek ritual *Nyangahatn* dalam

masyarakat Salako. Ritual *Nyangahatn* tidak boleh dilakukan oleh sebarang orang kerana ia melibatkan kuasa-kuasa ghaib dan luar biasa. Selain itu, kejayaan sesebuah pelaksanaan dan pengurusan dalam ritual *Nyangahatn* adalah bergantung kepada peranan dan kemahiran *Tuha Adat* tersebut. Dalam menjalankan ritual *Nyangahatn*, *Tuha Adat* mesti mengikut aturan yang telah ditetapkan sepertimana yang telah diperturunkan caranya sejak daripada zaman nenek moyang mereka dan tidak boleh melakukan kesilapan sebelum, semasa dan selepas ritual tersebut. Tambahan pula, ritual *Nyangahatn* yang dilakukan oleh golongan pakar seperti *Tuha Adat* memerlukan disiplin, tatatertib yang tinggi dan mesti dilakukan dengan cara yang berhemah. Hal ini membuktikan bahawa peranan *Tuha Adat* adalah amat penting dalam menguruskan upacara-upacara budaya masyarakat Selako.

Kajian mendapati jumlah *Tuha Adat* dalam masyarakat Salako di daerah Sematan semakin kurang saban tahun sehingga beberapa buah kampung terpaksa mencari dan menempah perkhidmatan *Tuha Adat* dari kampung yang berdekatan terlebih awal. Keadaan yang agak membimbangkan ini disebabkan oleh sebilangan besar daripada golongan pakar ritual ini telah meninggal dunia. Tambahan pula, golongan *Tuha Adat* dalam masyarakat Salako kini terdiri daripada warga emas dan ada yang sudah terlalu tua sehingga membataskan pergerakan mereka untuk menjalankan ritual dalam masyarakat. Selain berperanan dalam menguruskan ritual *Nyangahatn*, *Tuha Adat* perlu memberi pendedahan kepada generasi muda masyarakat Salako agar mempelajari ritual tersebut. Hal ini kerana ritual *Nyangahatn* ini merupakan salah satu elemen budaya yang telah diamalkan sejak zaman nenek moyang mereka yang perlu dilestarikan. Jika ritual *Nyangahatn* ini mula dipinggirkan maka ia akan menghakis identiti dan budaya mereka.

Mantera Ritual Nyangahatn

Dalam ritual *Nyangahatn*, mantera antara perkara penting yang tidak boleh ditinggalkan. Tanpa mantera, maka ritual *Nyangahatn* tidak akan mencapai objektifnya. Hal ini kerana, mantera merupakan satu alat untuk berkomunikasi dengan *Jubata* untuk memohon pertolongan, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup.

Mantera tidak diucap sebarang atau menggunakan ayat sendiri. Mantera yang disebut oleh *Tuha Adat* adalah mengikut ayat yang telah diperturunkan sejak generasi nenek moyang masyarakat Salako zaman berzaman. Mantera diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi tanpa menggunakan penulisan (*anan' baketab*). Dan menurut *Tuha Adat*, tidak semua orang boleh menghafal dan membaca ayat mantera dengan lancar kerana orang yang layak membaca mantera *Nyangahatn* dikatakan adalah orang pilihan *Jubata*. Jelas beliau lagi, untuk menjadi seorang *Tuha Adat*, bukan setakat mempunyai minat dan keinginan yang mendalam dalam ritual tersebut malah dia mestilah mendapat perkenan daripada *Jubata*. Mantera dibaca secara spontan dan pada asasnya, ayat mantera adalah pendek sahaja dan dibaca berulang-ulang. Menurut *Tuha Adat* lagi, ketika beliau membaca mantera tersebut berulang-ulang seakan ada satu kuasa yang membantu mengatur dan menambah-nambah ayat beliau sehingga mantera tersebut menjadi panjang dan bacaan beliau seakan-akan dilancarkan. Jelasnya di sini, terdapat satu kuasa yang membantu *Tuha Adat* dalam pembacaan mantera *Nyangahatn* tersebut.

Ayat mantera *Nyangahatn* adalah berbeza-beza mengikut tema majlis. Akan tetapi peringkat-peringkat dalam mantera adalah sama dan mempunyai tujuan yang tersendiri. Peringkat yang pertama ialah mantera untuk Noget iaitu menjemput *Jubata* datang ke majlis. Yang kedua ialah mantera untuk mengalu-alukan kehadiran

Jubata. Yang ketiga ialah mantera untuk mencuci kaki *Jubata* dan mengalu-alukan masuk ke rumah. Dalam peringkat mantera ketiga ini, *Tuha Adat* dilihat melakukan gerakan seperti menepung tawar seseorang. Peringkat mantera yang seterusnya ialah untuk memberi makan dan cuci tangan *Jubata*. Peringkat kelima pula, mantera dibaca untuk *badendeng* iaitu melayani *Jubata* yang telah kenyang. Dan yang keenam, mantera dibaca untuk menghantar *Jubata* pulang ke tempat tinggalnya. Kebiasaan isi kandungan mantera-mantera tersebut adalah berkisar tentang memohon kesejahteraan dan pertolongan daripada *Jubata*.

Aturcara Ritual Nyangahatn

Ritual *Nyangahatn* kebiasaan dijalankan dalam tempoh selepas waktu subuh dan sebelum waktu tengahari. Menurut *Tuha Adat*, selepas waktu tengahari adalah masa untuk *Jubata* berehat. Justeru itu, segala persediaan bahan yang akan digunakan untuk sembahannya disiapkan pada sebelah malam hari sebelumnya dan dilakukan secara bergotong-royong. Ketika ini, peranan *Tuha Adat* adalah untuk memastikan prosedur ritual dijalankan dengan kaedah yang betul bagi memastikan objektif ritual *Nyangahatn* tercapai.

Aturan ritual *Nyangahatn* adalah berbeza-beza mengikut tema majlis yang dianjurkan. Di dalam *Gawe Ka Padi* seperti upacara *Munoh Manuk Ka Pagar* (buka tanah pertanian) dan upacara *Ngarantika* (mula musim menuai), *Nyangahatn* dijalankan di rumah dan di sawah padi. Manakala di dalam *Gawe Ka Manusia* seperti *Bataah* (beri nama anak), *Batenek* (bertindik telinga), *Baturih* (berkhatan), *Bakawen* (berkahwin) dan *Baranak* (melahirkan anak), ritual *Nyangahatn* dijalankan di rumah sahaja. Tetapi kedua-dua bentuk *Gawe* ini tetap dijalankan secara besar-besaran dan bergotong-royong.

Ritual *Nyangahatn* dimulakan dengan mencucuk tiga biji *Tumpi'* dengan menggunakan sebatang kayu atau buluh yang telah diraut dan diletakkan pada jendela rumah yang terbuka. Proses permulaan *Nyangahatn* ini dikenali sebagai *Noget*. Fungsi *Noget* ini adalah untuk membuka pintu kepada *Jubata* dan roh-roh leluhur nenek moyang yang telah meninggal dunia untuk hadir ke majlis tersebut. Kemudian, *Tuha Adat* perlu meminta izin daripada *Jubata* dan roh-roh leluhur nenek moyang untuk memulakan upacara dan menggunakan tempat atau rumah tersebut untuk upacara *Nyangahatn*. Mantera dibaca oleh *Tuha Adat* sebagai cara berkomunikasi dengan *Jubata* dan roh-roh leluhur nenek moyang di hadapan bakul yang digantung di dalam rumah yang dikenali sebagai *Bakol Awapama*. Setelah itu, satu set Anak *Buis* yang terdiri daripada *Bontonk*, *Garetant* dan *Tumpi'* diletakkan ke dalam *Bakol Awapama* tadi.

Seterusnya, ayam perlu disembelih sebagai salah satu barang sembahannya di dalam *Buis*. Bahagian ini dikenali sebagai *Munoh Manuk*. Sebelum ayam disembelih, jika pengajur majlis mempunyai hajat tertentu di dalam majlis tersebut seperti memohon kesejahteraan anak kecil, doa selamat untuk pengantin baharu, memohon kesembuhan daripada sebarang penyakit dan sebagainya, *Tuha Adat* akan membaca mantera sambil mengibas-gibas ayam di atas kepala individu yang mempunyai hajat tadi. Perlakuan ini dijalankan untuk menyerap semua hajat yang ada pada individu tersebut untuk disampaikan kepada *Jubata* yang mempunyai kuasa luar biasa. Ayam tersebut akan disembelih di tempat tertentu mengikut tema majlis tersebut, jika ia berunsur penanaman padi (*Gawe Ka Padi*) maka ayam tersebut akan disembelihkan di kawasan sawah padi. Manakala, jika majlis tersebut berunsurkan kehidupan manusia seperti perkahwinan dan kematian, maka ayam tersebut akan disembelih di

sekitar rumah penganjur sahaja. Cara menyembelih ayam untuk ritual *Nyangahatn* adalah berbeza dengan cara menyembelih ayam untuk makan biasa iaitu hanya dengan memutuskan saluran makanan sahaja. Ayam untuk *Nyangahatn* disembelih menggunakan pisau khas yang dikenali sebagai *Ensaut*.

Setelah itu, *Buis* akan disediakan di satu sudut di dalam rumah. Kebiasaananya *Buis* akan diletakkan di hadapan jendela rumah di mana Noget (tiga biji *Tumpi'* yang dicucuk dengan kayu atau buluh) diletakkan. Di dalam *Buis* tersebut akan disusun barang berupa makanan seperti *Bontonk*, *Tumpi'*, *Garetant*, Manuk, telur rebus, *Baras Bantant*, *Poe'*, *Jungkahant*, *Tungkat*, minyak kelapa, sirih, pinang, kapur dan tembakau. Ada juga barang berupa material seperti *apar*, pinggan, kain pelikat dan barang perhiasan. Semua barang di dalam *Buis* mesti disusun dengan aturan yang betul dan tidak dibuat sebarang. Menurut *Tuha Adat*, jika *Buis* tidak disusun dengan aturan yang betul, ia akan memberi kesan kepada majlis tersebut contohnya, *Tuha Adat* akan mengalami kesukaran dalam melafazkan mantera *Nyangahatn* dan ada sesuatu yang tidak diingini akan berlaku dalam majlis tersebut yang mereka kenali sebagai Tulah. Apabila selesai persiapan *Buis*, maka *Tuha Adat* mula membaca mantera *Nyangahatn*.

Tuha Adat memulakan pembacaan mantera *Nyangahatn* dengan mengetuk *Beliong* (seperti kapak kecil) dengan menggunakan *Ensaut* (pisau untuk menyembelih ayam) untuk menghasilkan bunyi seakan-akan bunyi loceng. Fungsi bunyi tersebut adalah untuk menyeru *Jubata* untuk hadir ke dalam majlis. Mantera dibaca dengan spontan tanpa teks. Dan menurut *Tuha Adat*, pada asasnya mantera tersebut adalah pendek sahaja, tetapi apabila beliau membaca mantera tersebut berulang kali, seakan ada sesuatu kuasa yang membantu mengatur ayat mantera menjadi panjang dan dilafazkan dengan baik tanpa tersekat-sekat. Tambah beliau lagi, jika bacaan tersebut menandakan wujud aturan ritual *Nyangahatn* yang tidak betul berlaku seperti kesilapan susunan barang dalam *Buis* dan sebagainya. Beberapa perilaku *Tuha Adat* yang berbentuk simbolik berlaku semasa mantera dibaca seperti *Tuha Adat* mengangkat tangan seakan-akan menuap makanan dan menepung tawar sesuatu. Selain itu, *Tuha Adat* mengambil sedikit makanan dan membalingkan makanan tersebut ke belakang. Setelah selesai bacaan mantera, bagi mana-mana individu yang mempunyai hajat, maka mereka akan dicalit pada dahi mereka campuran *Baras Bantant* dan darah ayam yang disembelih tadi bagi mendapatkan restu dan kesejahteraan daripada *Jubata*. Seterusnya, makanan yang disediakan di dalam *Buis* seperti Manuk, *Bontonk*, *Tumpi'* dan *Garetant* dan dibahagikan kepada individu yang terlibat di dalam ritual *Nyangahatn* tersebut seperti *Tuha Adat*, tuan rumah dan tetamu untuk dibawa balik ke rumah masing-masing. Pembahagian makanan ini adalah untuk memastikan keberkatan ritual *Nyangahatn* turut dirasai oleh sanak-saudara dan keluarga di rumah.



Gambar 3: *Tuha Adat* Sedang Membaca Mantera

PERBINCANGAN

Melalui kajian ini, didapati masyarakat Salako masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan walaupun sebahagian besar mereka telah beragama seperti agama Kristian dan agama Islam. Hal ini kerana, masyarakat Salako masih lagi berpegang dengan konsep *Parukunan Diri* dan *Parukunan Kita* iaitu satu pegangan di mana mereka percaya akan kewujudan kuasa ghaib yang wajib dijaga haknya dan mereka mempercayai setiap perkara atau benda yang wujud di alam ini mempunyai penjaganya yang mereka kenali sebagai *Jubata* (Awang Hasmadi, 1990). *Jubata* yang mana masyarakat Salako anggap sebagai tuhan mereka perlu dijaga, dipuja dan dihormati melalui ritual *Nyangahatn* kerana kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut mempunyai peranan yang besar terhadap cara hidup masyarakat Salako. Sekiranya perasaan *Jubata* ini tidak dijaga dan tidak dipuja, dikhuatiri akan mendatangkan perkara buruk kepada diri sendiri dan masyarakat yang dikenali sebagai *idap, badi dan tulah*. Kekhuatiran ini menyebabkan wujudnya perasaan takut dan gentar menguasai jiwa masyarakat Salako dan ia secara tidak langsung mempengaruhi aktiviti harian serta segala tindak tanduk yang dilakukan oleh mereka. Justeru itu ritual *Nyangahatn* perlu dilakukan bagi menyelesaikan segala masalah yang berkaitan dengan masalah kehidupan masyarakat Salako. Di samping itu, masyarakat Salako berharap dengan melakukan ritual *Nyangahatn* dapat meredakan kemarahan kuasa-kuasa luar biasa dan *Jubata*.

Selain itu, segala perkara buruk yang berlaku dalam kalangan masyarakat Salako memerlukan penyelesaian iaitu dengan melakukan ritual *Nyangahatn*. Ia bertujuan untuk memohon keampunan dan kemaafan daripada kuasa-kuasa luar biasa seperti *Jubata*. Ritual *Nyangahatn* juga bertujuan untuk memohon terhindar daripada malapetaka seperti kemalangan, tanah runtuh, kebakaran, kematian yang tragik, nasib malang dan sebagainya. Selain itu, ritual *Nyangahatn* juga dilakukan bagi memohon keberkatan, keizinan, mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat serta dikurniakan kebaikan yang diperlukan oleh masyarakat Salako. Selain itu juga, masyarakat Salako melakukan ritual *Nyangahatn* untuk memohon pertolongan dan perlindungan daripada kuasa-kuasa luar biasa seperti *Jubata*. Oleh

yang demikian, ritual *Nyangahatn* merupakan keperluan penting bagi masyarakat Salako yang masih lagi mengamalkan kepercayaan warisan.

Walaupun berlaku sedikit perubahan dan perbezaan dalam ritual *Nyangahatn* di suatu kawasan, akan tetapi ritual tersebut tetap mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk berkomunikasi dengan *Jubata*. Perubahan dan perbezaan ritual *Nyangahatn* di suatu tempat adalah disebabkan oleh pengaruh peredaran zaman. Terdapat beberapa perubahan berlaku dalam pelaksanaan ritual *Nyangahatn* seperti keperluan semasa, masa dan lokasi ritual, pakaian *Tuha Adat* serta barang-barang yang disediakan di dalam *Buis*. Walaubagaimanapun, perubahan yang berlaku di dalam ritual *Nyangahatn* kini tidak menghalang ianya terus diamalkan. Selain itu, terdapat perbezaan sedikit ritual *Nyangahatn* mengikut kampung-kampung di sekitar daerah Sematan. Oleh yang demikian, pelaksanaan ritual *Nyangahatn* yang dilakukan dalam budaya masyarakat Salako adalah bergantung kepada ketua yang memegang sesebuah kawasan tersebut seperti *Binua* dan *Tuha Adat*.

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan di beberapa buah kampung sekitar daerah Sematan, masyarakat Salako menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan ritual *Nyangahatn*. Antara cabaran yang terbesar ialah kedatangan agama-agama besar seperti Islam dan Kristian, golongan muda dalam masyarakat Salako kurang memahami dan mengenali ritual tersebut, pemodenan, perubahan zaman, kekurangan orang yang mahir dalam hal-hal yang berkaitan ritual seperti *Tuha Adat* akibat meninggal dunia. Hal ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengendalian ritual *Nyangahatn* kerana ia amat memerlukan kefahaman dan kemahiran yang tinggi.

RUMUSAN

Dapat disimpulkan bahawa tradisi budaya *Nyangahatn* dalam masyarakat Salako perlu dikekalkan kerana ia merupakan tradisi warisan nenek moyang mereka sejak zaman berzaman. Ia perlu dikekalkan kerana ia akan menjadi lambang dan identiti masyarakat Salako. Kelestarian budaya *Nyangahatn* dalam masyarakat Salako penting bagi menjana tradisi kebudayaan etnik tersebut agar ia terus kekal sehingga pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan terutama kepada penyelia penyelidik Dr. Mohamad Maulana Bin Magiman yang telah memberi sepenuh bimbingan dalam menyiapkan kajian. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Dr Norhuda Bin Salleh yang telah membimbing, memberi idea, kata-kata semangat dan memberi nasihat sepanjang kajian dijalankan. Di samping itu tidak dilupakan juga kepada masyarakat Salako daerah Sematan terutamanya informan-informan Encik Akang Anak Lani (*Binua*) dan Encik Siru Anak Bidin (*Tuha Adat*).

Diharapkan kajian ini akan memberi manfaat kepada kita semua khususnya pengkaji-pengkaji yang akan menjalankan kajian di dalam bidang yang sama pada masa akan datang. Semoga Allah memberkati usaha kita bersama ini.

RUJUKAN

- Adelaar, K. A. (2005). *Salako Or Badameá : Sketch Grammar , Text and Lexicon of a Kanayatn Dialect in West Borneo.* (O. H. Verlag, Ed.). German.
- Awang Hasmadi, A. M. (1979). *Adat dan Ugama Salako.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Hasmadi, A. M. (1981). Selako Circumcion. *Sarawak Museum Journal,* 29(50), 59–72.
- Awang Hasmadi, A. M. (1990). *Selako Worldview and Rituals.* Universiti Cambridge.
- Chang, F. P. (2002). *History of Bidayuh in Kuching Division Sarawak.* Kuching: The Sarawak Press.
- Schnieder, W. M. (1975). Aspects of Architecture, Sosiology and Symbolism of the Salako House. *Sarawak Museum Journal,* 13(44), 207–217.